

- iv) Memastikan pelaksanaan dasar latihan dalam sektor awam pada peringkat pusat dan pusat tanggungjawab,
- v) Menentukan dasar pelaksanaan PBU UUM yang berasaskan kepada peraturan dan pekelling perkhidmatan yang dikeluarkan JPA,
- vi) Meluluskan keperluan belanjawan untuk pelaksanaan semua aktiviti PBU, dan
- vii) Menimbang kes-kes rayuan.

4.4 Keperluan Mata PBU

4.4.1 Jumlah jam/mata yang dicadangkan adalah berdasarkan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (Pekelling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005) di mana setiap penjawat sektor awam dikehendaki mengikuti kursus/latihan 42 jam/7hari setahun.

4.4.2 Semua staf pentadbiran dan akademik perlu mencapai mata kredit minima 42 yang meliputi komponen latihan dan pengembangan ilmu serta kemahiran. Keperluan mata minima untuk semua gred adalah seperti berikut:-

Staf Pentadbiran

Gred	Komponen Latihan	Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	Jumlah
1 - 16	20	22	42
17 - 40	30	12	42
41 - 54	30	12	42

Staf Akademik

KATEGORI/ KOMPONEN	Belum sah jawatan			Telah sah jawatan		
	Gred	Gred	Gred	Gred	Gred	Gred
Kategori Latihan	41/45/51/53	30	45	52	54	30
Kategori Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	12	12	12	12	12	12

4.4.2.1 Bagi staf baru, keperluan mata kredit minima adalah berdasarkan baki bulan yang tinggal pada tahun semasa.

4.4.2.2 Sumbangan Mata PBU Di Dalam Laporan Prestasi Tahunan

Sumbangan mata PBU di dalam Laporan Prestasi Tahunan (LNPT) adalah 20%. (Pelaksanaan akan bermula pada tahun 2011)

4.4.2.3 Pengumpulan Mata PBU

Pengumpulan mata PBU pada tahun semasa tidak dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan.

4.4.3 Pemberat Bagi Kursus Wajib/Induksi

Pemberat bagi kursus wajib/induksi adalah seperti berikut:-

Kursus	Mata PBU
Kursus Induksi Umum	5 mata
Kursus Induksi Khusus	5 mata
Kursus Biro Tatanegara	5 mata
UUMKu Cemerlang (bagi staf baru melapor diri sahaja)	6 mata
Penempatan Industri (sebulan dan ke atas)	Mata Penuh PBU
Dipinjamkan ke agensi lain kurang 1 tahun atas kepentingan perkhidmatan	Mata Penuh PBU